

B511
MAHATHIR

1980

KUALA LUMPUR, 1 DIS. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN TENTANG PENTINGNYA SETIAP ORANG MENGHORMATI KEPERCAYAAN ORANG LAIN DALAM SEBUAH MASYARAKAT BERBILANG AGAMA SEPERTI MALAYSIA.

MENYENTUH MENGENAI LANGKAH MENGANTUNG PENERBITAN AKHBAR TAMIL MALAR, BERIKUTAN DENGAN SEBUAH RENCANA YANG DISIARKAN OLEH AKHBAR ITU YANG MENKRITIK ISLAM, PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK MAHU PERKARA SERUPA ITU BERULANG.

“TERDAPAT BEBERAPA AMALAN AGAMA DI NEGARA INI DAN MERENDAHKAN AGAMA ORANG LAIN ADALAH BURUK,” BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN KETIGA TIMOR JAUH MENGENAI PERUSAHAAN BEKALAN KUASA LETRIK DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BELIAU TELAH DIBERITAHU BAHAWA PENERBIT AKHBAR ITU SEKARANG BERBINCANG DENGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MENGENAI RENCANA ITU. 173

DIMINTA MENGULAS MENGENAI PENGUMUMAN ENCIK LIM KIT SIANG BAHAWA BELIAU AKAN MELETAK JAWATAN SEBAGAI SETIAUSAHA AGUNG DAP, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU TIDAK FIKIR BAHAWA PEMIMPIN PEMBANGKANG ITU AKAN BERBUAT DEMIKIAN — BERSAMBUNG 1408/AN

B512

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU PERCAYA BAHAWA SEBAB ENCIK LIM MEMBUAT PENGUMUAN ITU IALAH UNTUK MENGELUARKAN MEREKA DALAM PARTI YANG MENENTANGNYA.

ENCIK LIM MENGUMIMKAN TENTANG HASRATNYA UNTUK MELETAK JAWATAN MINGGU LALU DENGAN BERKATA BAHAWA KEMPEN MENCEMARNYA TELAH DIJALANKAN BERIKUTAN DENGAN KEKALAHAN CALUN DAP DI PILIHANRAYA KECIL PENKALAN KOTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA BAHAWA PERBADANAN PERUSAHAAN BERAT TELAH DIDAFTARKAN DAN IA SEKARANG SEDANG MENKAJI BEBERAPA PROJEK DAN SEMUANYA BERJALAN AWAL DARI YANG DIJADUALKAN.

SEJUMLAH \$125 JUTA TELAH DIUNTUKKAN TAHUN DEPAN BAGI PERBADANAN ITU YANG DIKETUAI OLEH Pengerusi MIDA DATUK JAMIL JAN. LEBIH BANYAK LAGI PERUNTUKAN AKAN DIBUAT JIKA DIPERLUKAN.

MENGENAI KADAR TARIF BARU ELEKTRIK, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEKARANG SEDANG MENKAJI PERMOHONAN-PERMOHONAN DARI BEBERAPA SYARIKAT UNTUK MENDAPATKAN KADAR YANG KURANG.